

Oleh **DILAH TUAH**


Perkembangan bahasa Melayu di Sarawak biarpun perlahan, tetapi kadang kala boleh mengundang polemik yang berpanjangan. Sarawak yang merupakan negeri terbesar di Malaysia, turut memiliki kepelbagaian etnik, bahasa dan budaya. Di samping itu, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam semua urusan kerajaan negeri sejak pentadbiran Brooke, menjadikan Sarawak antara negeri yang masih belum melaksanakan dasar bahasa kebangsaan sepenuhnya. Jika dilihat dari sudut sejarah, kerajaan negeri Sarawak sehingga ke hari ini, tidak pernah mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di negeri tersebut, seperti yang dilakukan oleh negeri Sabah pada tahun 1971.

IMIBASAN

Bahasa Melayu di Sarawak

besar terhadap perkembangan bahasa Melayu di Sarawak. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1983, iaitu selepas 20 tahun Sarawak membentuk Persekutuan Malaysia. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa pada keseluruhannya, terdapat tiga pola penggunaan bahasa rasmi di Sarawak iaitu pola bahasa Inggeris, pola bahasa Melayu dan pola dwibahasa bahasa Inggeris-bahasa Melayu. Jika pola tersebut

dibayangkan sebagai jalur, maka jalur bahasa Inggeris disifatkan paling lebar dan panjang, diikuti oleh jalur dwibahasa. Jalur bahasa Melayu paling tirus dan pendek. Bahasa yang paling banyak digunakan dalam urusan rasmi sebelum tahun 1985, ialah bahasa Inggeris, meskipun terdapat pejabat yang mengamalkan dasar dwibahasa. Maksudnya, kedudukan bahasa Melayu pada ketika itu masih lagi terpinggir sebagai bahasa rasmi di Sarawak sehingga awal 80-an.



Jika diteliti dari sudut Perlembagaan Malaysia, terdapat pertembungan antara Perkara 152 dengan Perkara 161. Dalam Perkara 152 Fasal (1), bahasa kebangsaan ialah "bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh parlimen". Selain itu, dalam Perkara 152 Fasal (2), dinyatakan bahawa "walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua majlis parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain". Manakala Perkara 161 bersangkut dengan hak autonomi bagi Sabah dan Sarawak, iaitu tentang penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda di kedua-dua buah negeri tersebut.

Perkara 161, adalah retentat daripada *Memorandum Perkara 18/20*, yang telah dikemukakan oleh Sabah dan Sarawak sebagai syarat untuk membentuk sebuah negara bernama Malaysia. Memandangkan pembentukan Persekutuan Malaysia berlaku selepas enam tahun Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) mencapai kemerdekaan, maka terdapat beberapa pengubahsuaian yang telah dilakukan ke atas Perlembagaan Malaysia, termasuk beberapa perkara yang menjadi tuntutan bagi Sabah dan Sarawak. Perkara 161 Fasal (1), antaranya secara jelas menyatakan "tiada Akta Parlimen yang menamatkan atau menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi apa-apa maksud yang disebut dalam Fasal (2) hingga Fasal (5) Perkara 152 boleh berkuat kuasa berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam apa-apa hal yang disebut dalam

Fasal (2) perkara ini sehingga sepuluh tahun selepas hari Malaysia (1973)". Dalam Perkara 161 Fasal (2 c) turut dinyatakan bahawa "Fasal (1) terpakai bagi penggunaan bahasa Inggeris di negeri Sabah atau Sarawak di dalam Dewan Undangan atau bagi maksud rasmi yang lain (termasuk maksud rasmi kerajaan persekutuan)". Perkara 161 turut membenarkan penggunaan bahasa ibunda yang terdapat di Sabah dan Sarawak dalam mahkamah anak negeri. Hal ini dapat dilihat dalam Fasal (5) iaitu "walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 152, di dalam negeri Sabah dan Sarawak sesuatu bahasa ibunda yang pada masa ini digunakan di negeri itu boleh digunakan di dalam mahkamah anak negeri atau apa-apa kanun undang-undang dan adat anak negeri".

Pertembungan antara Perkara 152 dengan Perkara 161, yang dibiarkan berlanjutan tanpa sebarang titik penamat, akhirnya menjadi senjata makan tuan kepada dasar bahasa kebangsaan di Sarawak. Hal ini bertambah rumit, apabila diumumkan baru-baru ini, bahawa bahasa Inggeris akan menjadi bahasa rasmi selain bahasa Melayu di Sarawak. Pengumuman tersebut merupakan satu tamparan hebat kepada dasar bahasa kebangsaan di Sarawak dan Malaysia secara keseluruhannya. Hal ini demikian kerana, daaim tempoh yang panjang iaitu selama 52 tahun selepas pembentukan Malaysia, usaha yang telah dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di Sarawak, akhirnya ranap dalam sekelip mata.

Pada dasarnya, penguasaan lebih daripada satu bahasa sememangnya penting bagi

setiap individu. Bahasa Inggeris yang kini menjadi bahasa perhubungan dunia, tidak dapat dielak sama sekali dalam konteks dunia tanpa sempadan. Namun begitu, usaha pemartabatan dan pengukuhan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, tidak harus dipandang remeh. Hal ini demikian kerana, dalam konteks bernegara, penerimaan terhadap bahasa kebangsaan oleh seluruh warganegara Malaysia, akan menjadi titik penyatuan dan perpaduan bagi sesebuah negara. Apalah ertinya bernegara dan sebangsa, jika setiap negeri atau kumpulan etnik menggunakan bahasa yang berbeza. Perbezaan ini bukan sahaja boleh menimbulkan perpecahan, malah boleh meruntuhkan tembok perpaduan bangsa yang sekian lama terbina. Sehubungan dengan itu, kerisauan yang dinyatakan oleh tokoh akademik, ahli bahasa dan

Kemajuan sesebuah negara bukanlah bergantung sepenuhnya kepada penguasaan bahasa. Bahasa Inggeris yang baik sekalipun, bukan satu jaminan untuk mendapat pekerjaan yang baik. Malah terdapat negara yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi seperti Filipina, masih mundur dan miskin.

persatuan bahasa dan sastera, terhadap dasar dwibahasa yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sarawak, ada kewajarannya.

Dalam konteks perhubungan sosial, rakyat Sarawak lebih banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban dalam perhubungan seharian mereka. Malah dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban telah menjadi

lingua franca dalam kalangan rakyat Sarawak. Pandangan yang mengatakan bahawa bahasa Inggeris telah digunakan secara menyeluruh di Sarawak kurang tepat. Hal ini demikian kerana, bahasa Inggeris hanya meluas digunakan di bandar-bandar besar seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. Namun begitu, di bandar-bandar kecil seperti Sri Aman, Betong dan Kapit, bahasa Iban menjadi bahasa perantara utama dalam perhubungan harian, termasuk turut dikuasai dengan baik oleh orang Cina. Selain itu, dalam urusan keagamaan bagi penganut bukan Islam, kebanyakan upacara keagamaan menggunakan bahasa Melayu termasuk dalam percetakan kitab-kitab suci mereka.

Kemajuan sesebuah negara bukanlah bergantung sepenuhnya kepada penguasaan bahasa. Penguasaan bahasa Inggeris yang baik, bukan satu jaminan untuk mendapat pekerjaan yang baik. Malah terdapat negara yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, seperti Filipina, masih mundur dan miskin. Selain itu, Korea Selatan yang merdeka seusia Malaysia, telah muncul sebagai negara maju tanpa penggunaan bahasa Inggeris.

Sikap terlalu taasub terhadap bahasa Inggeris seharusnya dikikis, khususnya dalam kalangan pemimpin yang kebanyakannya mendapat pendidikan barat. Dalam usaha kita memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kepentingan bahasa Inggeris tidak dapat dipandang remeh. Hal ini demikian kerana, bangsa yang merdeka seharusnya bijak dalam memartabatkan bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris.

Usaha kerajaan negeri Sarawak untuk memperkukuh bahasa Inggeris dalam kalangan

rakyatnya, diharap dapat dilaksanakan dengan berhemah seperti ibarat peribahasa, menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak. Justeru, pelaksanaan dasar dwibahasa ini nanti diharapkan dapat dilaksanakan secara menyeluruh tanpa dibayangi oleh tuntutan-tuntutan yang berat sebelah.

Senario bahasa yang berlaku di Sarawak kini, sudah semestinya memberikan impak yang besar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS). Amanah besar yang harus digalas oleh DBPCS, adalah untuk

Senario bahasa yang berlaku di Sarawak kini, sudah semestinya memberikan impak yang besar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS). Amanah besar yang harus digalas oleh DBPCS, adalah untuk mengembalikan keyakinan rakyat dan kepimpinan negeri, terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di Sarawak.

mengembalikan keyakinan rakyat dan kepimpinan negeri, terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di Sarawak. Sehubungan dengan itu, program-program yang bakal dirancang kelak seharusnya dapat memberi impak yang besar, terhadap usaha pemartabatan bahasa Melayu. Selain itu, penglibatan para sasterawan negeri dan tokoh bahasa, turut dituntut untuk mengembalikan martabat bahasa Melayu di Bumi Kenyalang. Hal ini demikian kerana, pengiktirafan yang telah diberikan oleh pihak DBPCS kepada mereka selama ini, bukan sekadar untuk kenang-kenangan semata-mata, tetapi merupakan pengiktirafan sebagai pejuang bahasa. Justeru, ketika bahasa Melayu sedang mengharungi arus perubahan dasar yang mencabar, menjadi kewajipan para pejuang bahasa di Sarawak, untuk menyatakan pendirian mereka terhadap isu ini.

Rumusannya, kedudukan bahasa Melayu di Malaysia sentiasa mengaiami proses pasang surut yang tiada berpenghujung. Tidak dapat dipastikan, sampai bilakan bahasa Melayu akan dapat bertahan di bumi Malaysia. Asakan yang kuat, serta sikap orang Melayu yang tidak mengambil berat terhadap bahasa Melayu, akan mempercepatkan proses kepupusan bahasa tersebut. Akhirnya, bahasa Melayu yang unggul dan pernah menjadi lingua franca di Kepulauan Melayu, akan menjadi seperti bahasa Sanskrit, yang dahulunya cukup masyhur tetapi kini hanya tersimpan di perpustakaan, tanpa ada yang mampu untuk membaca dan memahaminya. DB

